

Kes HFMD naik tapi kebanyakan tidak serius

MOH dapati penularan virus penyakit tangan, kaki dan mulut lebih teruk bertambah

JUMLAH kes penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) terus meningkat dengan 906 kes dilaporkan dalam minggu berakhir 7 Ogos lalu.

Ia menjadikan jumlah kes HFMD yang dilaporkan dalam 31 minggu pertama tahun ini sebanyak 18,007, berbanding 10,770 kes dalam tempoh sama tahun lalu.

Menurut satu kenyataan bersama Kementerian Kesihatan (MOH), Kementerian Pembangunan Masyarakat, Belia dan Sukan (MCYS) dan Kementerian Pendidikan (MOE) semalam, kebanyakan kes yang dilaporkan sejauh ini merupakan jangkitan tidak serius.

Hanya 233 kes, iaitu 1.3 peratus daripada jumlah kes yang dilaporkan, memerlukan pesakit dimasukkan ke hospital kerana tidak selera makan.

Namun, pemantauan yang dijalankan oleh MOH mendapati terdapat peningkatan dalam penyebaran virus Enterovirus 71

(EV71) di kalangan pesakit HFMD di sini.

Pada bulan lalu, 12 peratus contoh pesakit yang diuji didapati positif bagi EV71.

Penyakit HFMD yang berpunca daripada virus EV71 dikaitkan dengan keadaan penyakit yang lebih teruk, malah kematian.

Selain Singapura, beberapa negara lain, seperti China, Hongkong, Jepun dan Taiwan, mengalami penularan HFMD melibatkan virus EV71.

MOH telah menyenaraikan nama tadika dan pusat jagaan kanak-kanak yang mempunyai lebih 10 kes HFMD atau kadar jangkitan lebih 13 peratus dan tempoh jangkitan melebihi 16 hari.

Ini bertujuan memastikan ibu bapa lebih berwaspada adakah tadika atau tajaka yang disertai anak mereka mempunyai kes jangkitan HFMD berpanjangan dan dapat mengawasi jika anak mereka mempunyai tanda-tanda penyakit itu.

Bagi mematahkan rangkaian jangkitan, tadika dan pusat jagaan kanak-kanak dengan lebih 16 kes HFMD atau kadar jangkitan lebih 23 peratus dan tempoh jangkitan lebih 24 hari perlu ditutup selama 10 hari.

Senarai pusat jagaan kanak-kanak dan tadika yang perlu ditutup kerana HFMD boleh didapati di laman MOH di alamat www.moh.gov.sg.